



Kempen

# Pembayaran Berulang Melalui Pemotongan Auto **PruBSN**

Tempoh Kempen: 5 Januari - 31 Disember 2023

## 1X HADIAH UTAMA

Pakej Haji untuk dua (2) orang

## 12X HADIAH BULANAN

Pakej Umrah untuk dua (2) orang



**Nota Penting:**

Mendaftar kaedah Pembayaran Sumbangan Berulang melalui Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang menggunakan Kad Kredit/Debit melalui **PruBSN Touch** atau **Payment Gateway**.

\*Tertakluk pada terma & syarat. Rujuk muka surat seterusnya untuk syarat-syarat kempen.

Hubungi Ejen Takaful kami hari ini untuk rundingan PERCUMA.

⌂ [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) ⌂ [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

📞 03 2775 7188 ⌂ [prubsn](https://www.facebook.com/prubsn) ⌂ [@prubsn\\_official](https://www.instagram.com/prubsn_official) ⌂ [prubsn\\_touch](#)

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

# Kempen Pembayaran Berulang melalui Pemotongan Auto PruBSN

## Terma & Syarat

Kempen Pembayaran Berulang melalui Pemotongan Auto PruBSN ("Kempen") ini dianjurkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju untuk mematuhi semua Terma dan Syarat yang dinyatakan.

### 1. Tempoh Kempen

- Kempen ini bermula pada 5 Januari 2023, 12.01 pagi dan berakhir pada 31 Disember 2023, 11.59 malam.
- PruBSN berhak untuk membuat sebarang pindaan ke atas Tempoh Kempen atas sebab-sebab tertentu tanpa perlu mengeluarkan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

### 2. Kelayakan Kempen

- Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang mempunyai sijil caruman tetap yang aktif dengan PruBSN (tidak termasuk Keyman dan sijil berkumpulan. Kaitangan PruBSN termasuk syarikat sekutu Prudential (Tetap, Sementara dan Kontrak), ahli keluarga mereka dan agensi berkaitan tidak layak menyertai kempen ini ("Peserta").)
- Peserta yang mempunyai sijil caruman tetap sedia ada sebelum tahun 2023 layak untuk menyertai Kempen ini apabila mereka mendaftar kaedah Pembayaran Sumbangan Berulang melalui Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang menggunakan Kad Kredit/Debit melalui **PruBSN Touch** atau **Payment Gateway**. Peserta haruslah mempunyai sijil caruman tetap yang aktif dan pembayaran sumbangan mesti dikemaskini sehingga Tarikh Cabutan seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 5.
- Bagi Peserta yang baharu mendaftar sijil caruman tetap pada tahun 2023, Peserta diwajibkan untuk membuat pembayaran melalui cara-cara yang dinyatakan (rujuk Klausa 2(d) dibawah):
  - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch atau Payment Gateway, atau
  - Debit Terus (FPX) diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch atau Payment GatewayPeserta mesti mempunyai sijil caruman tetap yang aktif dan pembayaran sumbangan mesti dikemaskini sehingga Tarikh Cabutan seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 5.
- Mulai April 2023, peserta yang menukar kekerapan pembayaran sumbangan layak mendapatkan penyesuaian tambahan dalam Cabutan Rezeki. Sila rujuk Jadual 1 di bawah untuk maklumat lanjut:

Jadual 1

Senario	Kelayakan (Ya/Tidak)
Menukar kekerapan pembayaran sumbangan daripada bulanan ke suku tahunan	Ya
Menukar kekerapan pembayaran sumbangan daripada suku tahunan ke separa tahunan	Ya
Menukar kekerapan pembayaran sumbangan daripada separa tahunan ke tahunan	Ya
Menukar kekerapan pembayaran sumbangan daripada suku tahunan ke bulanan	Tidak
Menukar kekerapan pembayaran sumbangan daripada tahunan ke separa tahunan	Tidak

- e) Peserta tidak layak untuk menyertai Cabutan Rezeki pada Disember 2023 jika kekerapan pembayaran sumbangan ditukar kepada yang lebih tinggi.
- f) Senario di dalam Jadual 2 di bawah menetapkan contoh Peserta daripada pelbagai kategori yang layak untuk Kempen ini:

Jadual 2

Senario	Tindakan
Sijil yang berada di bawah: <ul style="list-style-type: none"><li>Kaedah pembayaran berulang melalui pemotongan auto; dan</li><li>Pembayaran sumbangan yang dikemaskini</li></ul>	<ol style="list-style-type: none"><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ol>
Sijil yang berada di bawah: <ul style="list-style-type: none"><li>Kaedah pembayaran berulang melalui pemotongan auto; dan</li><li>Pembayaran sumbangan <b>TIDAK</b> dikemaskini</li></ul>	<ol style="list-style-type: none"><li>Membuat pembayaran sumbangan yang tertunggak</li><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ol>
Sijil yang berada di bawah: <ul style="list-style-type: none"><li>Kaedah pembayaran <b>tunai/cek</b>; dan</li><li>Pembayaran sumbangan yang dikemaskini</li></ul>	<ol style="list-style-type: none"><li>Mendaftar kaedah Pembayaran Sumbangan Berulang melalui Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang menggunakan Kad Kredit/Debit melalui <b>PruBSN Touch</b> atau <b>Payment Gateway</b></li><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ol>
Sijil yang berada di bawah: <ul style="list-style-type: none"><li>Kaedah pembayaran <b>tunai/cek</b>; dan</li><li>Pembayaran sumbangan <b>TIDAK</b> dikemaskini</li></ul>	<ol style="list-style-type: none"><li>Mendaftar kaedah Pembayaran Sumbangan Berulang melalui Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang menggunakan Kad Kredit/Debit melalui <b>PruBSN Touch</b> atau <b>Payment Gateway</b></li><li>Membuat pembayaran sumbangan yang tertunggak</li><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ol>
Pendaftaran Sijil baharu pada tahun 2023	<ol style="list-style-type: none"><li>Membuat pembayaran sumbangan melalui:<ul style="list-style-type: none"><li>Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui <b>PruBSN Mobility</b> atau <b>PruBSN Touch</b> atau <b>Payment Gateway</b>, atau</li><li>Debit Terus (FPX) diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui <b>PruBSN Mobility</b> atau <b>PruBSN Touch</b> atau <b>Payment Gateway</b></li></ul></li><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ol>
Sijil yang sudah luput	<ol style="list-style-type: none"><li>Hidupkan semula sijil anda:<ul style="list-style-type: none"><li>Mendaftar kaedah Pembayaran Sumbangan Berulang melalui Debit Terus (FPX) atau Pembayaran Berulang menggunakan Kad Kredit/Debit melalui <b>PruBSN Touch</b> atau <b>Payment Gateway</b></li><li>Membuat pembayaran sumbangan yang tertunggak</li><li>Memastikan pembayaran sumbangan dikemaskini sepanjang Tempoh Kempen</li></ul></li></ol>
Pengurangan kekerapan pembayaran sumbangan	<ol style="list-style-type: none"><li>Bermula 1 April 2023, sebarang penukaran kekerapan pembayaran sumbangan kepada yang lebih minima, layak menerima cabutan tambahan dalam Cabutan Rezeki dan berpeluang memenangi hadiah bulanan dan/atau hadiah utama.</li></ol>

### 3. Hadiah

- a) Peserta yang memenuhi kriteria kelayakan dalam Klausula 2 di atas berpeluang menerima hadiah Pakej Umrah untuk dua (2) orang melalui Cabutan Rezeki Bulanan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5 di bawah. Pakej Umrah tersebut akan meliputi kos Visa Umrah, penerbangan pergi balik, pengangkutan darat dan penginapan untuk tempoh yang munasabah bagi menunaikan Umrah.
- b) Di samping itu, Peserta yang memenuhi kriteria kelayakan dalam Klausula 2 di atas berpeluang menerima Hadiah Utama iaitu Pakej Haji untuk dua (2) orang melalui Cabutan Rezeki Hadiah Utama seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5 di bawah. Walau bagaimanapun, Pemenang Cabutan Rezeki Hadiah Utama perlu mematuhi Klausula 5(e) yang ditetapkan di sini. Pakej Haji tersebut akan meliputi kos Visa Haji, penerbangan pergi balik, pengangkutan darat dan penginapan untuk tempoh penginapan yang munasabah bagi menunaikan Haji.
- c) PruBSN berhak untuk meminda butiran Pakej Umrah dan Haji mengikut kesesuaian.
- d) Jika Peserta yang telah dipilih sebagai pemenang Kempen ini adalah Bukan Islam, Peserta akan menerima wang tunai dengan jumlah RM4,000 sebagai ganti Pakej Umrah atau RM40,000 untuk Pakej Haji.
- e) Hadiah Kempen ini tidak boleh ditukar dengan sebarang hadiah lain atau dipindah milik.
- f) PruBSN boleh menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah lain dengan nilai setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Peserta.
- g) Semua hadiah tidak termasuk caj-caj yang mungkin akan ditanggung oleh pemenang (jika ada), seperti cukai, levi, yuran dan yang tertakluk pada semua Terma dan Syarat sebagaimana yang dikenakan oleh PruBSN dari masa ke masa.

### 4. Cara Mendaftar Pembayaran Berulang melalui Pemotongan Auto secara Debit Terus (FPX) atau menggunakan Kad Kredit/Debit

Berikut adalah langkah-langkah untuk Peserta yang membuat sumbangan mereka melalui tunai/cek dan ingin mendaftar untuk Pembayaran Berulang melalui Pemotongan Auto secara Debit Terus (FPX) atau menggunakan Kad Kredit/Debit melalui **PruBSN Touch** atau **Payment Gateway**.

#### Melalui PruBSN Touch

- a) Layari [app.prubsn.com.my/PruBSNTouch](http://app.prubsn.com.my/PruBSNTouch)
- b) Daftar dengan **PruBSN Touch** (jika Peserta bukan pengguna **PruBSN Touch** berdaftar)
- c) Peserta hendaklah melakukan langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke PruBSN Touch

Langkah 2: Klik pada Caruman >> Pendaftaran Bayaran Berulang

Langkah 3: Pilih "Debit Terus (FPX)" atau "Kad Kredit/Debit" sebagai kaedah pembayaran dan pilih satu Sijil untuk setiap pendaftaran pada satu masa

Langkah 4: Lengkapkan semua butiran, tandakan pada kotak pengisyiharan dan klik "Teruskan"

Langkah 5: Selesaikan transaksi di halaman log masuk Perbankan Internet FPX atau halaman pembayaran iPay88

Langkah 6: Setelah selesai, peserta boleh melihat kaedah pembayaran terkini mereka pada halaman Pendaftaran Pembayaran Berulang untuk sijil yang dipilih

#### Melalui Payment Gateway

- a) Layari laman web korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)
- b) Peserta hendaklah melakukan langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Pilih Pembayaran Dalam Talian

Langkah 2: Isikan sijil dan butiran peribadi

Langkah 3: Lengkapkan transaksi di halaman log masuk Perbankan Internet PFX atau halaman pembayaran iPay88

Langkah 4: Setelah transaksi selesai dalam Langkah 3, lengkapkan halaman Pembayaran Berulang

Langkah 5: Setelah selesai, peserta boleh melihat kaedah pembayaran terkini mereka pada halaman Pendaftaran Pembayaran Berulang untuk sijil yang dipilih

### 5. Pemilihan Pemenang

- a) Kekerapan Cabutan Rezeki adalah seperti yang ditetapkan di bawah:

Hadiyah Bulanan (Pakej Umrah untuk Dua (2) orang)	Tarikh Tamat & Tarikh Cabutan	Hadiyah Bulanan (Pakej Umrah untuk Dua (2) orang)	Tarikh Tamat & Tarikh Cabutan
Januari 2023	Tarikh Tamat: 31 Jan 2023 Tarikh Cabutan: 1 Apr 2023	Julai 2023	Tarikh Tamat: 31 Jul 2023 Tarikh Cabutan: 1 Okt 2023
Februari 2023	Tarikh Tamat: 28 Feb 2023 Tarikh Cabutan: 1 Mei 2023	Ogos 2023	Tarikh Tamat: 31 Ogos 2023 Tarikh Cabutan: 1 Nov 2023
Mac 2023	Tarikh Tamat: 31 Mac 2023 Tarikh Cabutan: 1 Jun 2023	September 2023	Tarikh Tamat: 30 Sep 2023 Tarikh Cabutan: 1 Dis 2023
April 2023	Tarikh Tamat: 30 Apr 2023 Tarikh Cabutan: 1 Jul 2023	Oktober 2023	Tarikh Tamat: 31 Okt 2023 Tarikh Cabutan: 1 Jan 2024
Mei 2023	Tarikh Tamat: 31 Mei 2023 Tarikh Cabutan: 1 Ogos 2023	November 2023	Tarikh Tamat: 30 Nov 2023 Tarikh Cabutan: 1 Feb 2024
Jun 2023	Tarikh Tamat: 30 Jun 2023 Tarikh Cabutan: 1 Sep 2023	Disember 2023	Tarikh Tamat: 31 Dis 2023 Tarikh Cabutan: 1 Mac 2024
Hadiyah Utama (Pakej Haji untuk Dua (2) orang)		Tarikh Tamat: 31 Dis 2023 Tarikh Cabutan: 1 Mac 2024	

*Nota: Sekiranya Tarikh Cabutan jatuh pada Cuti Umum Kebangsaan Malaysia, Tarikh Cabutan seterusnya adalah pada hari bekerja berikutnya.*

- b) Peserta-peserta yang layak akan diletakkan dalam kumpulan Cabutan Rezeki dan PruBSN akan memilih dua belas (12) pemenang sepanjang Tempoh Kempen, dimana seorang (1) pemenang akan dipilih setiap bulan dan satu (1) pemenang untuk Hadiah Utama akan dipilih sebanyak satu kali mengikut jadual di atas.
- c) Pemilihan rawak nama pemenang akan disaksikan oleh kakitangan Jabatan Syariah, Jabatan Undang-Undang, Jabatan Pematuhan, Jabatan Digital, Penjenamaan dan Pemasaran, Jabatan Kerjasama Strategik dan Analitik Pelanggan dan pihak ketiga (akan dikenalpasti dan ditentukan oleh PruBSN).
- d) Ketika cabutan nama pemenang, Peserta perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Klausula 3, jika gagal, kelayakan Peserta akan dibatalkan secara automatik, dan Peserta akan dikecualikan daripada Cabutan Rezeki.
- e) Kempen ini terhad kepada seorang (1) Peserta bagi setiap hadiah.

## **6. Pengumuman Pemenang**

- a) Pemenang akan dimaklumkan melalui pos "Pengumuman Pemenang" di laman web korporat rasmi, laman media sosial Facebook dan Instagram PruBSN, dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas Tarikh Cabutan.
- b) PruBSN berhak untuk memaparkan nama pemenang (dengan menutup nombor kad pengenalan Malaysia, jika berkenaan) dalam mana-mana laman web, media sosial, akhbar dan/atau bahan-bahan promosi milik PruBSN tanpa sebarang notis.
- c) Pemenang dianggap telah memberi kebenaran dan bersetuju dengan penggunaan nama yang diberikan oleh mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan, atau promosi dalam mana-mana media oleh PruBSN tanpa persetujuan atau pampasan terlebih dahulu. Ketidakpersetujuan atas klausu ini boleh menyebabkan pemilihan pemenang alternatif. Pemenang bertanggungjawab secara peribadi untuk memastikan butiran peribadi seperti maklumat hubungan dan alamat e-mel telah diserahkan dengan tepat.
- d) PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti yang timbul daripada kelewatan, salah alamat, kehilangan atau kegagalan pemakluman kepada pemenang tentang keputusan Kempen ini.

## **7. Agihan Hadiah**

- a) PruBSN akan melantik pentadbir untuk membantu menjalankan Cabutan Rezeki. Pentadbir yang dilantik juga akan bertindak sebagai pemangku ejen pelancongan bagi pihak PruBSN.
- b) Pemenang yang dikenal pasti mempunyai empat belas (14) hari bekerja dari hari pengumuman Pemenang untuk menyerahkan dokumen yang berkaitan kepada pentadbir untuk melaksanakan pengagihan hadiah Cabutan Rezeki.
- c) Sekiranya Pemenang tidak menyerahkan dokumen berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan, PruBSN akan manafikan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penghantaran hadiah Cabutan Rezeki yang tidak berjaya.
- d) Sekiranya Pemenang dibatalkan kelayakannya dalam Kempen ini, Hadiah Kempen akan diberikan kepada Peserta lain yang layak mengikut budi bicara PruBSN. Dalam keadaan ini, Peserta lain yang layak akan dipilih menggunakan kaedah yang akan ditentukan mengikut budi bicara PruBSN.
- e) PruBSN berhak untuk meminta bukti bertulis kewarganegaraan dan usia pemenang sebelum pindahan wang hadiah dilakukan kepada pemenang.

## **8. Penafian**

- a) Dengan menyertai Kempen ini, setiap Peserta bersetuju bahawa PruBSN, kakitangannya, pegawai, pengarah, ejen, rakan kongsi, rakan niaga, syarikat induk dan anak-anak syarikatnya tidak akan bertanggungjawab untuk ganti rugi, kerugian, kecederaan, hak, tuntutan atau tindakan berbangkit daripada atau berhubung dengan Kempen ini, atau akibat daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan/penyalahgunaan hadiah, atau penyertaan kempen ini, termasuk dan tidak terhad kepada, kecederaan diri, kematian, kerosakan harta benda dan tuntutan berdasarkan hak-hak publisiti, fitnah atau pencerobohan privasi.
- b) Setiap Peserta juga bersetuju bahawa PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan yang lewat (termasuk kelewatan penghantaran maklumat), diubah, diganti, tidak lengkap, penghantaran yang salah, hilang, tertangguh, rosak, berulang atau lain-lain tidak mematuhi Terma dan Syarat ini.

## **9. Pembatalan Kelayakan**

PruBSN berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Kempen ini jika ia didapati mengganggu proses penyertaan atau operasi Kempen ini, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.

## **10. Undang-undang Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi**

Peserta hendaklah mematuhi semua undang-undang antirasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan anda tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.

## **11. Perlindungan Data Peribadi**

Para Peserta dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan atau pendedahan maklumat terkandung di sini dan/atau melalui Kempen ini (yang merangkumi dokumen perjanjian tambahan dan lain-lain dokumen sampingan) adalah tertakluk pada peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). PruBSN dan para Peserta hendaklah mematuhi semua klausu PDPA. Segala data peribadi, termasuk data peribadi sensitif ("Data Peribadi") yang disediakan harus diproses berdasarkan Polisi Privasi PruBSN yang dipaparkan di laman web korporat rasmi di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## **12. Undang-undang yang Mentadbir**

Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia.

## **13. Indemniti**

- a) PruBSN berhak untuk memutuskan dan mempertikaikan setiap perkara mengenai Kempen ini selaras dengan layanan secara adil kepada Peserta dan Pemenang, termasuklah mengantikan hadiah Cabutan Rezeki dengan hadiah/ganjaran lain dengan nilai setara.
- b) **PruBSN berhak untuk meminda kelayakan, kriteria pemilihan dan pemberian hadiah dari semasa ke semasa mengikut budi bicara PruBSN.** PruBSN juga berhak untuk mengubah Terma dan Syarat yang dinyatakan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini tanpa memberikan notis awal kepada Peserta. Cara pemberitahuan (jika ada) pindaan, penggantungan, penamatan, kelewatan atau perubahan adalah mengikut budi bicara PruBSN, termasuk dan tidak terhad kepada memaparkan perkara yang sama dalam mana-mana laman web atau laman media sosial PruBSN.
- c) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh pihak PruBSN tidak akan melayakkan Peserta kepada sebarang tuntutan terhadap PruBSN untuk semua jenis kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan.

## **14. Lain-lain**

- a) Keputusan PruBSN mengenai semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
- b) Terma dan Syarat ini boleh diterjemahkan ke bahasa lain. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan versi terjemahan lain, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.